

## Pendidikan Islam Golongan Masalah Pendengaran: Tinjauan Awal Isu dan Cabaran daripada Perspektif Guru

Mohd Huzairi Awang @ Husain<sup>a\*</sup>, Hajarul Bahti Zakaria<sup>a</sup>, Rahimin Affandi Abd Rahim<sup>b</sup>

<sup>a</sup>Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Keningau, Sabah, Beg Berkunci No. 11, 89009 Keningau, Sabah

<sup>b</sup>Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Lembah Pantai, Kuala Lumpur

\*Corresponding author: ulya\_mashkuri@yahoo.co.uk

### Article history

Received: 2 August 2010

Received in revised form: 31 October 2011

Accepted: 7 March 2012

### Abstract

This article attempts to discuss the issues and challenges faced by the teachers who teach Islamic education in MOE special education programme schools of deaf students in managing and assisting students in mastering the subjects of Islamic education. Disparity in many aspects than the normal student appears to have a significant impact on the achievement of Islamic education in hearing impaired students. Descriptions related to the challenges and problems faced by the teacher explained and some suggestions put forward in overcoming the situation. Hopefully this article will raise awareness and open the eyes of all parties in an effort to improve the quality of teaching and learning further improve the level of Islamic learning impaired students

**Keywords:** MOE special education programme; Islamic education; deaf students; mastering the subjects of Islamic education; challenges and problems

### Abstrak

Artikel ini cuba membincangkan isu dan cabaran yang dihadapi oleh para guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam di program pendidikan khas masalah pendengaran sekolah-sekolah KPM dalam mengendalikan dan membantu pelajar dalam menguasai mata pelajaran Pendidikan Islam. Jurang perbezaan dalam pelbagai aspek berbanding pelajar normal ternyata mempunyai impak yang signifikan dengan pencapaian mata pelajaran pendidikan Islam dalam kalangan pelajar bermasalah pendengaran. Huraian berkaitan dengan cabaran dan masalah yang dihadapi oleh guru diperjelaskan dan beberapa cadangan diketengahkan dalam mengatasi situasi yang dihadapi. Semoga artikel ini dapat menimbulkan kesedaran dan membuka mata semua pihak dalam usaha meningkatkan kualiti proses pengajaran dan pembelajaran seterusnya memperbaiki tahap penguasaan pendidikan Islam pelajar bermasalah pendengaran.

**Kata kunci:** Program pendidikan khas sekolah-sekolah KPM; Pendidikan Islam; pelajar bermasalah pendengaran; penguasaan mata pelajaran Pendidikan Islam; cabaran dan masalah

© 2012 Penerbit UTM Press. All rights reserved.

### ■1.0 PENDAHULUAN

Pendidikan Islam merupakan tunjang kepada proses pembinaan individu. Ia akan membawa kepada penyuburan atas keimanan dan ketaqwaan serta penghayatan kepada Allah. Hal ini sebaik-baik dan kemuliaan manusia terletak kepada aras taqwa kepada Allah S.W.T. sebagaimana firman Allah bermaksud:

Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling taqwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Mengenal.  
(*al-Hujurat*, 49 : 13)

Golongan bermasalah pendengaran tidak terkecuali, mereka adalah sebahagian daripada kelompok manusia biasa yang dipertanggungjawabkan taklifan beragama yang mencakupi penilaianya seluruh aspek kehidupan. Individu muslim pada hakikatnya berhutang kepada Allah (al-Attas 1977:5) atas prinsip pengabdian diri dan hakikat pengabdian perlu dilangsungkan dan dipertanggungjawabkan ke atas setiap diri individu muslim berdasarkan perjanjian manusia di alam roh sebagaimana maksud firman Allah:

Apabila Tuhanmu mengeluarkan daripada anak Adam – daripada tubuhnya – zuriatnya dan menyuruhnya mengangkat saksi terhadap dirinya dan berkata ‘Bukankah Aku Tuhan

kamu ?” Maka mereka berkata (menjawab) “Ya, kami saksikan.”  
*(al-A’raf, 7 : 172)*

Oleh yang demikian, bukan tugas yang mudah bagi guru-guru pendidikan Islam yang dipertanggungjawabkan mendidik dan membimbing pelajar berkeperluan khas dalam masalah pendengaran. Membimbing dan mendidik mereka ke arah mendekatkan diri kepada Allah (al-Ghazali) menjadi matlamat dan tujuan utama.

Guru pendidikan Islam perlu berhadapan dengan pelbagai cabaran dan memerlukan kekuatan diri berbentuk semangat dan iltizam yang utuh dalam berhadapan dengan pelajar bermasalah pendengaran disebabkan mereka mempunyai pelbagai kelainan upaya meliputi keupayaan pertuturan, bahasa, komunikasi, hubungan sosial (Safani Bari et al. 2005:2) yang akhirnya memberi kesan kepada proses pemerolehan ilmu. Kegagalan memahami dan menguasai ilmu asas agama akan memberi kesan yang besar dalam kehidupan muslim disebabkan ia mempunyai implikasi terhadap tujuan kezahiran manusia (al-Attas 1977:21) iaitu penyerahan dan pengabdian diri kepada Allah sebagaimana maksud firmanNya :

Tidak Ku jadikan jin dan manusia melainkan untuk mengabdikan diri kepadaKu  
*(al-Dhariyat ,51 : 56)*

## ■2.0 TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini diringkaskan seperti berikut :

- Mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh guru pendidikan Islam dalam mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam pelajar masalah pendengaran\|

## ■3.0 PERSOALAN KAJIAN

- Apakah masalah yang dihadapi oleh guru pendidikan Islam dalam mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam pelajar masalah pendengaran

## ■4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk tinjauan melalui temu bual dengan responden. Melalui kaedah ini membantu penyelidik mendapatkan maklumat dan gambaran yang mendalam terhadap isu yang dikaji. Peserta kajian terdiri daripada 4 orang guru pendidikan Islam di sebuah sekolah menengah pendidikan khas masalah pendengaran.

## ■5.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian yang dijalankan ke atas empat orang peserta yang terdiri daripada guru-guru pendidikan Islam seperti berikut:

### 5.1 Profil Peserta

**Jadual 1** Profil Peserta

Latar belakang	Item	Kekerapan
1. Jantina	Lelaki	2
	Perempuan	2
2. Umur	30 tahun	1
	32 tahun	1
	43 tahun	1
	44 tahun	1
3. Pengalaman mengajar	5 tahun	1
	7 tahun	1
	13 tahun	1
	21 tahun	1
4. Pengalaman mengajar pelajar masalah pendengaran	4 tahun	1
	5 tahun	1
	7 tahun	1
	10 tahun	1
5. Kelayakan akademik tertinggi	Sarjana Muda	3
	Sarjana	1
6. Opsyen	Pendidikan khas	2
	Pendidikan Islam	2
7. Mendapat pendedahan tentang pendidikan pelajar masalah pendengaran	Semasa latihan keguruan	2
8. Mempelajari bahasa isyarat	Setelah ditempatkan mengajar di sekolah pendidikan khas masalah pendengaran	2
	Semasa latihan keguruan	2
	Setelah ditempatkan mengajar di sekolah pendidikan khas masalah pendengaran	2

## 5.2 Dapatkan Temu Bual

Dapatkan kajian daripada hasil temu bual tersebut yang berkaitan dengan pelaksanaan pengajaran pendidikan Islam terhadap pelajar-pelajar bermasalah pendengaran sebagaimana berikut :

- a. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam mengikut garis panduan dan kurikulum yang ditetapkan. Peruntukan waktu bagi menengah rendah adalah 6 waktu (4+2) manakala menengah atas adalah 4 waktu (3+1)
- b. Kebanyakan pelajar tidak mempunyai asas Islam yang kukuh
- c. Dilema guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk memenuhi kehendak dan keperluan peperiksaan dan tuntutan kehidupan
- d. Proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan secara bergabung iaitu dengan menggabungkan dua kelas kepada satu kelas
- e. Kesukaran pelajar untuk memahami perkara abstrak dan istilah-istilah dalam pendidikan Islam
- f. Tumpuan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran adalah rendah
- g. Daya ingatan pelajar terhadap perkara yang dipelajari tidak tinggi menyebabkan mereka mudah lupa
- h. Pelajar tidak boleh membaca al-Quran dan pengajaran dan pembelajaran komponen tilawah al-Quran tidak dapat dijalankan disebabkan ketidakupayaan pelajar dalam pertuturan
- i. Terdapat pelajar yang mempunyai pelbagai ketidakupayaan disamping masalah pendengaran seperti masalah penglihatan terhad dan masalah pembelajaran
- j. Bahan pembelajaran utama yang dibekalkan iaitu buku teks pendidikan Islam tidak boleh diguna
- k. Pelajar tidak boleh bertutur, menyebabkan tidak boleh membaca bahan pembelajaran
- l. Pelajar tidak mahir mengeja dan membina ayat sendiri dalam bahasa melayu
- m. Kod tangan yang berbeza antara Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) dan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM)
- n. Asas Kod tangan Bahasa Melayu (KTBM) adalah terhad
- o. Komunikasi pelajar adalah terhad iaitu berlegar dalam kalangan mereka sahaja
- p. Kebanyakan ibu bapa yang bersikap lepas tangan dengan menyerahkan anak-anak kepada pihak sekolah semata-mata

## ■6.0 PERBINCANGAN

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa kesemua guru yang mengajar mata pelajaran pendidikan Islam di sekolah ini adalah dalam kalangan yang berumur 30 tahun ke atas, mempunyai pengalaman mengajar 5 tahun ke atas dan mempunyai kelayakan akademik sekurang-kurangnya ijazah Sarjana Muda. Dalam hal ini, guru-guru ini dikira sebagai guru terlatih dan berpengalaman serta bersedia untuk membawa tugas-tugas dan tanggung jawab keguruan, tidak mengalami kejutan realiti (Yusof Ahmad 2008) mereka bukan lagi tergolong dalam lingkungan guru permulaan (Bahagian Pendidikan Guru 2007) iaitu guru yang baru melepassi program latihan keguruan.

Dari segi opsyen guru, 2 orang adalah opsyen pendidikan khas manakala 2 orang adalah opsyen pendidikan Islam. Perkara ini seharusnya diambil berat oleh pentadbir pendidikan. Tugas

mengajar pendidikan Islam tidak boleh diambil mudah dandipandang ringan. Tidak semua guru muslim layak dan dikira berkebolehan mengajar dalam mata pelajaran pendidikan Islam. Bagi memastikan matlamat pendidikan Islam dicapai, seharusnya pengajar dan pembimbang mata pelajaran tersebut menguasai kandungan mata pelajaran walau dikatakan tahap kandungan mata pelajaran pendidikan Islam seharusnya telah dikuasai oleh setiap individu muslim. Persoalan kelayakan mengajar adalah penting dan menjadi tumpuan khusus dalam bab pendaftaran guru dan permit mengajar dalam akta pendidikan (Akta Pendidikan 1996). Dalam hal ini, timbul persoalan bagaimana guru yang bukan dilatih dalam opsyen pendidikan Islam dapat menguruskan sesi pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam tanpa penguasaan dalam bidang tersebut

Seterusnya dapatan menunjukkan bahawa dua orang guru telah mendapat pendedahan awal tentang pendidikan pelajar bermasalah pendengaran dan telah didedahkan dengan bahasa isyarat semasa latihan keguruan. Guru ini adalah guru opsyen pendidikan khas, manakala guru opsyen pengajian Islam pula tidak mendapat pendedahan tersebut semasa latihan keguruan sebaliknya memperolehi perkara tersebut setelah ditempatkan di sekolah yang mengendalikan pelajar tersebut. Oleh itu pemerolehan ilmu secara tidak formal dijadikan sebagai bekal untuk berhadapan dan mengendalikan sesi pengajaran dan pembelajaran bersama pelajar ini. Perkara ini menimbulkan sedikit kecacatan, guru ini menguasai kemahiran kandungan tetapi tidak menguasai kemahiran pedagogi.

Hal ini telah disentuh oleh Mohd Mokhtar dan Aliza (2003 : 401) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa hanya 30.4% guru yang mempunyai pengetahuan strategi pengajaran pendidikan Islam kepada kanak-kanak berkeperluan khas. Hamdi Ishak *et al.* (2010 : 170) juga menyatakan bahawa guru-guru pendidikan Islam yang mengajar pelajar bermasalah pendengaran menghadapi masalah dalam pedagogi pendidikan khas masalah pendengaran dan pengetahuan dalam keperluan kanak-kanak bermasalah pendengaran disebabkan tidak mendapat latihan semasa latihan keguruan. Hal ini amat penting dalam mencapai objektif pembelajaran, disamping penguasaan kemahiran kandungan, guru mestи menguasai kaedah pengajaran pelajar berkeperluan khas bagi memastikan guru dapat merancang dan melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan baik dan teratur bagi memastikan proses pemindahan ilmu berjalan dengan lancar. Hal ini dapat dijayakan dengan baik sekiranya terdapat dalam latihan keguruan pengkhususan dalam bidang pengajian Islam dan pendidikan khas.

Dalam mengendalikan proses P&P, guru menghadapi kesukaran berdasarkan latar belakang pelajar yang tidak mempunyai asas agama. Dalam kesukaran tersebut, guru menghadapi dilema dalam usaha untuk memberi penekanan kepada asas-asas agama atau pembelajaran berorientasikan peperiksaan yang natijahnya kebanyakannya pelajar gagal dalam mata pelajaran pendidikan Islam peringkat PMR dan SPM (Analisis Peperiksaan SMPKPPP 2000-2009). Kegagalan ini adalah disebabkan beberapa kelemahan mereka yang akan dibincangkan selepas ini serta aspek dan cara penilaian yang setara dan sama dengan kaedah dan cara penilaian terhadap pelajar normal. Mereka tidak mampu bersaing dalam gelanggang yang sama melainkan kaedah penilaian diberi pendekatan berbeza kepada golongan ini.

Dalam pelaksanaan P&P juga, guru mengendalikan sesi secara gabungan kelas disebabkan kekurangan guru menjadikan nisbah guru dan murid adalah besar membabitkan 10 hingga 15 pelajar. Sedangkan nisbah guru dan murid sepatutnya dalam kalangan pelajar berkeperluan khas adalah kecil bagi memudahkan proses dan tumpuan yang lebih dapat diberikan.

Hal ini tidak membabitkan mata pelajaran lain dan ini memberi kesan kepada proses dan hasil pengajaran guru dan penerimaan murid.

Semasa mengikuti proses pembelajaran, pelajar-pelajar ini menghadapi kesukaran untuk memahami perkara-perkara abstrak dan juga istilah-istilah dalam Islam. Perkara-perkara abstrak termasuklah yang berkaitan dengan akidah dan *sam'iyyat*. Ini kerana mereka menghadapi masalah dalam bahasa (Mohd Mokhtar dan Aliza 2003 : 398) dan perkara tersebut tidak dapat digambarkan dengan mata serta tidak ada disekeliling mereka. Pembelajaran dan pemahaman mereka adalah mudah jika sesuatu dapat digambarkan secara visual dan dikaitkan dengan persekitaran (Shahrul Arba'iah 2007:25)

Apabila mereka tidak memahami atau sukar memahami sesuatu konsep menyebabkan tumpuan belajar mereka menjadi rendah. Mereka lebih banyak dan suka mengalih tumpuan ke arah perkara lain menjadikan fokus terhadap proses pembelajaran teralih. Disamping itu daya ingatan pelajar terhadap perkara yang dipelajari tidak tinggi menyebabkan mereka mudah lupa. Fakta yang diberikan sekiranya dialih dengan ayat yang berbeza, seolah-olah perkara tersebut tidak pernah ada dalam maklumat dan pengetahuan mereka. Dalam hal ini proses ulangan dan pembelajaran secara beransur-ansur amat ditekankan.

Dalam berhadapan dengan golongan pelajar ini, terdapat pelajar yang mempunyai pelbagai ketidakupayaan disamping masalah pendengaran seperti masalah pertuturan, masalah penglihatan terhad dan masalah pembelajaran (*multiple disabilities*). Proses pengajaran dan pembelajaran golongan ini memerlukan kaedah yang khusus, strategi dan pendekatan yang sesuai serta perancangan yang teliti daripada pihak guru disamping memerlukan tahap keupayaan dan kesabaran yang tinggi demi memastikan hasil pembelajaran (*learning outcomes*) dapat dicapai

Salah satu komponen dalam mata pelajaran Pendidikan Islam ialah tilawah al-Quran. Disebabkan pelajar mempunyai masalah dalam pertuturan, maka pengajaran dan pembelajaran komponen tilawah al-Quran tidak dapat dijalankan. Dengan itu kemahiran membaca al-Quran tidak diajar. Dalam hal ini, pelajar terlebih dahulu perlu diberi terapi pertuturan bagi membolehkan mereka diajar untuk membaca al-Quran. Golongan kurang pendengaran (*partially hearing*) dan sederhana boleh diajar bertutur dengan menggunakan alat amplifikasi melalui komponen latihan pertuturan iaitu artikulasi, baca bibir dan latihan auditori (Saadiah Ahmad 1990:4), dengan demikian mereka boleh didedahkan dengan pembacaan al-Quran.

Bahan bantu mengajar dan belajar amat penting dalam amalan pengajaran dan pembelajaran. Salah satu bahan utama yang dibekalkan ialah buku teks. Buku teks pendidikan Islam adalah dalam versi tulisan jawi. Bagi golongan bermasalah pendengaran, penguasaan dalam bahasa melayu dari segi mengeja, membina ayat telah lama diperbincangkan oleh para pengkaji, apatah lagi dalam ejaan jawi yang turut menjadi masalah kepada pelajar normal. Dalam hal ini, guru-guru mengambil pendekatan tidak menggunakan buku teks yang dibekalkan dan sebagai bahan bantu yang lain, guru memberikan nota bagi menerangkan isi pembelajaran. Rentetan daripada masalah ini, pembacaan pelajar tidak meluas dan maklumat hanya terhad kepada pengajaran dan nota daripada guru sahaja. Pelajar tidak mampu meneroka maklumat yang lebih luas dalam bidang berkaitan.

Komunikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran amat penting, tanpa komunikasi proses tersebut tidak akan berlaku. Komunikasi dalam kalangan golongan bermasalah pendengaran adalah melalui kod tangan dalam bahasa isyarat.

Bagi proses pengajaran dan pembelajaran, komunikasi seluruh digunakan. Dalam hal ini, guru mendapat kod tangan yang berbeza antara Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) dan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM), bahasa isyarat rasmi di sekolah adalah KTBM manakala penggunaan secara biasa adalah dalam BIM. Perkara ini telah menjadi pertikaian dan perbincangan oleh pihak-pihak yang terlibat. Pihak Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD) menuntut BIM digunakan secara menyeluruh atas dasar BIM telah diiktiraf sebagai bahasa rasmi golongan pekak (Akta Orang Kurang Upaya 2008 : 8) di samping Asas Kod tangan Bahasa Melayu (KTBM) adalah terhad. Dalam hal ini, komunikasi pelajar adalah terhad iaitu berlegar dalam kalangan mereka sahaja. Dengan itu proses sosialisasi, percambahan idea dan pemikiran tidak berlaku menjadikan golongan pelajar ini sedikit lambat dalam arus keilmuan, keterbukaan sikap dan pemikiran.

Kejayaan pelajar ini juga adalah datang daripada faktor sokongan keluarga. Kebanyakan ibu bapa yang bersikap lepas tangan dengan menyerahkan anak-anak kepada pihak sekolah semata-mata. Dalam hal ini gaya keibubapaan dan jangkaan ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam menetapkan haluan pendidikan anak-anak yang menghadapi masalah pendengaran (Shahrul Arba'iah 2007:51). Gaya ibu bapa yang bersikap dan mendidik anak bermasalah pendengaran ini dengan penuh kemesraan, kasih sayang, tumpuan yang tinggi, jangkaan yang munasabah, mengenakan disiplin yang tekal, tidak diberikan kebebasan melampau adalah antara antara faktor kritis dalam perkembangan dan pembinaan diri anak-anak dalam golongan ini

## ■7.0 PENUTUP

Pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam golongan pelajar bermasalah pendengaran tidak boleh dipandang ringan. Guru yang bertanggung jawab mengajar dan membimbing mereka berhadapan dengan pelbagai cabaran dan kesulitan berbanding dengan mereka yang mengajar pelajar normal. Walaupun mereka mengalami seikit ketidakupayaan, mereka tetap mempunyai potensi dan berpeluang untuk menguasai bidang pendidikan Islam sebagai asas bekalan dalam menjalani kehidupan sebagai muslim dalam hakikat pengabdian diri kepada Allah S.W.T.

## Rujukan

- Akta Orang Kurang Upaya. 2008. (Akta 685).
- Akta Pendidikan. 1996. (Akta 550).
- Bahagian Pendidikan Guru. 2007. *MS ISO 9001:2000*. No. Keluaran 4 (CD)
- Institut Pendidikan Guru Malaysia.
- Hamdi Ishak et al. 2010. Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Kepada Murid Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Masalah Pendengaran: Satu Kajian. Kes. *Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah UKM*, Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Mohd Mokhtar Tahar & Aliza Alias. 2003. Isu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Pelajar Berkeperluan Khas. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam: Perkaedahan Pengajaran Pendidikan Islam: Antara Tradisi dan Inovasi*, Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Saadiah Ahmad. 1990. Kanak-kanak Bermasalah Komunikasi. Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Kanak-kanak Dengan Keperluan Khas: Cabaran Kini, Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Safani Bari et al. 2005. Kaedah Komunikasi Seluruh dan Pencapaian Murid-murid Bermasalah Pendengaran Dalam Peperiksaan. Laporan Penyelidikan Fakulti Pendidikan UKM.
- Shahrul Arba'iah Othman. 2007. Faktor Yang Menyumbang kepada kecemerlangan Akademik Pelajar Pekak: Kajian Kes Retrospektif. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Fakulti Pendidikan UKM.

- Syed Muhammad Naquib al-Attas. 1977. *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Yusof Ahmad. 2008. *Masalah Kesediaan Guru Permulaan: Sekolah Perlu Memainkan Peranan Utama Untuk Menyelesaikannya*. Atas talian

<http://www.ippsah.edu.my/LamanR&D2007/journal/journal2008.pdf>  
(14 Mei 2010).